

**TEKS UCAPAN  
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK  
ABDUL RAHMAN  
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR UiTM  
CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA  
HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT  
UiTM CAWANGAN SELANGOR 2025**

**11 OKTOBER 2025 | SABTU | 7.30 PAGI  
DEWAN SERBAGUNA PFI  
UiTM CAWANGAN SELANGOR  
KAMPUS PUNCAK ALAM**

**Terima kasih pengerusi majlis**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBIL ALAMIN  
WASOLATU WASALAMU ALA  
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN  
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

**YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat**  
Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi)

**YBrs. Profesor Dr. Mohd Hafiz Mohd Hanafiah**  
Timbalan Rektor Hubungan Industri, Komuniti,  
Alumni dan Keusahawanan (ICARE),  
Menjalankan Tugas Timbalan Rektor Hal Ehwal  
Pelajar

**YBrs. Encik Mohd Nor Aidil Hj Abdul Latif**  
Menjalankan Tugas Ketua Unit Sukan

Barisan Pengurusan UiTM Cawangan Selangor

Barisan Jawatankuasa Pelaksana

Tuan-tuan, puan-puan para hadirin, dan seterusnya mahasiswa mahasiswi yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan  
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, kita diberi kesihatan dan kesempatan pada pagi ini untuk berkumpul bagi program **Hari Sukan Negara Peringkat UCS 2025**
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada **Unit Sukan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor** dengan kerjasama **Jawatankuasa**

**Sukan Pelajar (JSP)** kerana berjaya menganjurkan program ini.

**Hadirin sekalian,**

3. Seperti yang kita sedia maklum, Hari Sukan Negara disambut setiap tahun pada minggu kedua bulan Oktober bagi memperkukuh budaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia.
4. Justeru, saya yakin program pada pagi ini menjadi wadah yang menyemai rasa kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan warga UCS merentasi batas kaum dan agama.
5. Melalui program sebegini, kita dapat memperkukuh kesedaran bahawa sukan bukan sekadar aktiviti riadah, tetapi sebahagian penting daripada kehidupan seharian.

6. Saya turut dimaklumkan bahawa program pada hari ini bakal dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti Zumba Aerobik yang bukan sahaja menyeronokkan tetapi juga menyihatkan, serta Brisk Walk sejauh 1.5 kilometer yang sesuai untuk semua peringkat umur.
7. Selain itu, aktiviti sukan berpasukan seperti penalti bola sepak, futsal lelaki dan wanita, serta bola jaring turut dianjurkan bagi menguji ketangkasan, membina semangat kerjasama, dan memupuk ukhuwah dalam kalangan warga UCS.
8. Saya menggalakkan semua untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan dengan semangat kesukanan yang tinggi, sambil menikmati suasana kebersamaan dan kegembiraan bersama rakan-rakan.
9. Kepada semua peserta, saya ucapkan selamat maju jaya dan bermainlah dengan semangat yang

tinggi, kerana yang lebih utama ialah penyertaan serta usaha yang kita berikan.

**Hadirin sekalian,**

10. Sudah semestinya penganjuran program ini memerlukan komitmen yang padu dan pengorbanan semua pihak bagi memastikan kelancarannya.

11. Tahniah dan syabas sekali lagi saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung, mahupun tidak langsung atas kejayaan penganjuran program ini.

12. Semoga segala usaha dan keringat yang dicurahkan mendapat ganjaran serta rahmat daripada Allah SWT.

13. Saya berharap penganjuran program ini dapat memberi manfaat dan pengalaman berharga

kepada semua yang turut serta, dan besar harapan saya agar usaha murni ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Langkah diatur semangat membara,  
Sorakan riuh tanda gembira;  
Hari Sukan Negara menyatukan kita,  
Mengerat ukhuwah seluruh warga.

14. Dengan lafaz suci *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Hari Sukan Negara Peringkat UiTM Cawangan Selangor tahun 2025.

**Sekian,**

**Wabillahitaufiq Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabaraktu**